

29hb. September, 1977.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 25 TAHUN 1977

**Elaun Lebihmasa kepada Pemandu Pegawai-pegawai
Kanan Kerajaan yang layak mendapat
Elaun Bantuan Gaji Drebar**

Adalah dimaklumkan bahawa Drebar-drebar pegawai-pegawai dalam Bahagian I yang layak menggaji Drebar berlesen sepenuh masa mengikut Seksyen 40 dalam [Perintah Am Bab 'B'](#) adalah layak menerima bayaran Elaun Lebihmasa mengikut peraturan biasa iaitu termasuk juga peruntukan Elaun Lebihmasa seperti yang terkandung dalam [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 21 Tahun 1977](#). Pembayaran Elaun Lebihmasa yang layak dituntut itu hendaklah ditanggung oleh Kerajaan.

2. Walau bagaimanapun, kelayakan bayaran Elaun Lebihmasa yang tersebut di atas adalah terhad kepada Drebar-drebar yang digaji sepenuh masa oleh pegawai-pegawai dalam Bahagian I yang memegang jawatan-jawatan dalam Tingkatan Utama dan Tingkatan Tertinggi 'A', 'B', 'C' dan 'D' yang menerima Elaun Bantuan Gaji Drebar mengikut [Perintah Am Bab 'B'](#) seksyen 40 dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 1977.

3. Tarikh kuatkuasa pembayaran Elaun Lebihmasa yang tersebut ialah pada 1.7.1977.

Sekian.

Saya yang menurut perintah,

(BAHARUDDIN BIN ABDUL MULUK)
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Semua ketua-ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua-ketua Jabatan.

Y.B. Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Akauntan Negara,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

Juru Audit Negara,
Malaysia,
Kuala Lumpur.